

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)53

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

53. Apakah cabaran dan permasalahan jangka masa pendek dan panjang perkhidmatan kesihatan awam Negeri Pulau Pinang?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri akan merangka satu Pelan Induk Infrastruktur Kesihatan Pulau Pinang untuk menangani cabaran-cabaran tersebut?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

53. Permasalahan utama yang dihadapi oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) adalah kekurangan sumber manusia dari pelbagai lapisan kakitangan kesihatan di hospital. Sebagai contoh adalah seperti kekurangan Pegawai Perubatan, Pakar, Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Kakitangan Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu dan lain-lain kakitangan perkhidmatan sokongan. Isu ini merupakan satu isu yang dihadapi oleh seluruh negara.

Usaha yang diambil buat masa ini ialah dengan melakukan putaran kerja secara kluster. Selain itu, bahagian ini juga sentiasa mengemas kini maklumat kakitangan di hospital ke peringkat Kementerian agar penambahan kakitangan dapat dilakukan sekiranya terdapat penempatan baharu.

Dari segi perkhidmatan pula, Bahagian Perubatan di bawah JKNPP sentiasa berusaha mengoptimumkan perkhidmatan kesihatan sedia ada di samping merancang dan memohon projek pembangunan dan peralatan perubatan baharu. Ini merupakan sebahagian usaha dalam meningkatkan kapasiti dan menambah perkhidmatan kesihatan di Negeri Pulau Pinang.

Antara projek yang telah selesai adalah *Multi-storey block* Hospital Seberang Jaya yang mempunyai tambahan 316 katil pesakit. Selain itu, blok berkenaan akan memfokuskan kepada perkhidmatan Pediatrik Kardiologi di negeri ini.

Projek yang sedang dalam fasa pembangunan adalah Blok Klinik Pakar dan Wad Hospital Pulau Pinang serta Blok Wanita

dan Kanak-kanak di mana pembangunan projek ini akan menambah kapasiti perkhidmatan dari segi bilangan klinik pakar, katil wad, dewan bedah dan sebagainya.

Hospital-hospital lain di Pulau Pinang juga tidak ketinggalan dalam usaha pembangunan baharu dan JKNPP juga sedang dalam proses merangka pelan pembangunan serta perkhidmatan yang ingin disediakan. Kesemua projek ini akan menjadikan pertambahan perkhidmatan dan kapasiti katil pesakit di Pulau Pinang pada masa hadapan.

a) Bagi Pelan Induk Infrastruktur Kesihatan Pulau Pinang, perancangan projek pembangunan RMKe-13 iaitu 2026 hingga 2030 untuk Bahagian Kesihatan Awam adalah dengan menaik taraf dan membina baharu beberapa projek seperti berikut:

- (i) Kompleks Kesihatan Kubang Semang (Klinik Gantian);
- (ii) Kompleks Kesihatan Jalan Perak (Klinik gantian);
- (iii) Klinik Kesihatan Butterworth (Klinik gantian);
- (iv) Kompleks Kesihatan Bukit Panchor (Klinik gantian);

- (v) Klinik Kesihatan Jenis 2 Batu Maung (Klinik baharu);
dan
- (vi) Klinik Kesihatan Machang Bubok (Klinik gantian).